

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN**  
**LISAN, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY**

**[ BACHOK ]**

**TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Bachok ] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kenapa pihak Kerajaan gagal memberikan jawapan kepada soalan bertarikh 10 Mac 2014, berkaitan perincian jumlah NGO PERWANI yang berdaftar dengan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) sepanjang 2013 mengikut negeri. Adakah menjadi dasar Kerajaan untuk tidak memberikan jawapan sebagaimana kehendak soalan.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menjawab soalan bertarikh 10 Mac 2014, di mana isi utamanya adalah seperti berikut:

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa komited untuk menggerakkan agenda pembangunan dan pemerksaan wanita agar mereka dapat menyumbang dengan lebih aktif kepada pertumbuhan ekonomi, meningkatkan produktiviti dan menikmati taraf kehidupan yang lebih baik. Kerajaan juga akan terus memberi sokongan dan penghargaan terhadap segala usaha KPWKM dalam memartabat dan memperkasa kaum Hawa.

Komuniti PERWANI 1Malaysia merupakan salah satu inisiatif yang diperkenalkan di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS – 8) yang dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Pembangunan

Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Kementerian Kewangan (MOF) sebagai penerajunya. NBOS menggunakan pendekatan Strategi Lautan Biru mengikut acuan Malaysia. Semangat atau matlamat utama NBOS ini adalah kos rendah, berimpak tinggi dan pelaksanaan pantas.

Melalui inisiatif Komuniti PERWANI 1Malaysia, KPWKM mensasarkan untuk mewujudkan 100,000 kumpulan jaringan wanita PERWANI di seluruh Malaysia yang bertindak sebagai agen transformasi peringkat akar umbi dalam komuniti masing-masing. Kumpulan ini diselaraskan oleh Jabatan Pembangunan Wanita iaitu agensi di bawah Kementerian.

Pada tahun 2013 **sebanyak 3,452 kumpulan dengan seramai 45,403 ahli** telah berjaya didaftarkan dan pihak Kementerian mensasarkan untuk mendaftarkan sebanyak 30,000 kumpulan PERWANI pada tahun 2014.

Maklumat terkini sehingga 30 April 2015 menunjukkan sebanyak 10,937 kumpulan Komuniti PERWANI telah ditubuhkan dan

mempunyai keahlian seramai 148,922 orang. Perincian jumlah NGO PERWANI yang berdaftar dengan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) sepanjang 2013 sehingga 2015 mengikut negeri adalah seperti jadual berikut:

**BILANGAN KUMPULAN PERWANI MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 30 APRIL 2015**

			BIL. KUMPULAN	BIL. PESERTA	BIL. KUMPULAN	BIL. PESERTA	BIL. KUMPULAN	BIL. PESERTA	BIL. KUMPULAN	BIL. PESERTA
1	Johor	2,000	336	4,165	614	12,361	0	0	950	16,526
2	Kedah	2,000	182	2,479	815	10,927	0	0	997	13,406
3	Kelantan	2,000	313	4,047	1,377	19,581	45	479	1,735	24,107
4	Melaka	2,000	278	3,767	212	2,921	0	0	490	6,688
5	Negeri Sembilan	2,000	142	2,123	172	2,423	0	0	314	4,546
6	Pahang	2,000	602	8,211	275	3,432	0	0	877	11,643
7	Perak	2,000	216	3,138	321	3,738	0	0	537	6,876
8	Perlis	500	133	2,480	154	1,792	0	0	287	4,272
9	Pulau Pinang	2,000	356	3,560	413	4,661	0	0	769	8,221
10	Sabah	3,000	1	11	984	13,223	0	0	985	13,234
11	Sarawak	3,000	0	0	739	10,834	0	0	739	10,834
12	Selangor	3,000	333	3,464	710	8,592	67	726	1,110	12,782
13	Terengganu	2,000	199	3,482	166	2,640	0	0	365	6,122
14	WPKL & Putrajaya	2,000	180	2,872	300	3,837	77	962	557	7,671
15	WP Labuan	500	197	1,548	28	446	0	0	225	1,994

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK  
BIN SHAARY [BACHOK]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peminjam PTPTN yang di senarai hitam mengikut tahun sejak diperkenalkan mengikut kategori university dan bidang utama pengajian.

**JAWAPAN.**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Setakat 30 April 2015 seramai 84,508 orang peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah disenarai hitam daripada meninggal negara melalui Jabatan Imigresen Malaysia. Bagi peminjam yang namanya telah disenarai hitam boleh tampil di mana-mana pejabat PTPTN di seluruh negara untuk membuat rundingan pelepasan senarai hitam dan penstrukturan semula pinjaman.